

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, May 18, 2019 10:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ramadan Sucikan Hati, Insafi Diri



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 MEI 2019 / 13 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

RAMADAN SUCIKAN HATI, INSAFI DIRI



UUM ONLINE: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah yang juga Tuanku Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM) berkenan berangkat hadir ke Majlis Berbuka Puasa Peringkat UUM 2019 di Masjid Sultan Badlishah baru-baru ini.

Hadir menyerikan majlis, Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafuddin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Pro-Canselor UUM; Menteri Besar Negeri Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir dan Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja

Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Tunku Temenggong Kedah, Tunku Pro-Canselor UUM.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani, Rasulullah bersabda, *Allah berfirman, semua amal anak Adam untuknya kecuali puasa. Ia untuk-Ku dan Aku yang akan membalasnya.*

“Dalam Ramadan ini terdapat pakej yang lengkap dengan pahala, kemaafan, Lailatulqadar. Untuk mendapat keredaan Allah persiapkan hati dan jiwa mengatasi persiapan yang lain kerana dengan hati dan jiwa yang bersih akan melahirkan insan yang benar-benar insaf dan mampu membawa pelbagai perubahan positif,” katanya.

Tambahnya, memasuki Ramadan memerlukan persediaan keimanan di dalam jiwa untuk meraih ganjaran pahala berlipat ganda.

“Marilah kita sama-sama merebut peluang yang Allah berikan dengan melaksanakan segala tuntutan sebagai seorang hamba

“Ramadan yang dilalui ini juga banyak membawa keinsafan, kita dilatih menjadi individu yang lebih bertimbang rasa, menjadi seorang Islam yang sentiasa membantu saudara seagama dengan penuh kasih sayang dan sabar.

“Maka, janganlah kita terlalu mengeluh dengan segala macam masalah yang timbul dalam urusan pekerjaan kita di universiti ini. Kita perlu bersabar dan berusaha untuk mengatasinya dengan ketekunan dan kebijaksanaan.

Mengenai ganjaran orang yang bersabar, Allah berfirman

Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.”

Surah Az

Zumar: Ayat 10

Sabar itu ada tiga jenis iaitu, sabar dalam melakukan ketaatan kepada Allah, sabar dalam meninggalkan yang haram dan sabar dalam menghadapi takdir yang menyakitkan dan ketiga-tiga bentuk sabar ini terdapat di dalam amalan puasa.

Ramadan yang dilalui banyak membawa keinsafan kepada diri kita yang melatih kita menjadi insan yang lebih bertimbang rasa sekali gus melahirkan hati serta fikiran yang bersih.

Misalnya Penubuhan Rumah Kebajikan Anak Yatim UUM lahir daripada sifat keperihatinan dan kasih sayang terhadap golongan ini dan dengan adanya Rumah ini, masa hadapan mereka lebih terjamin.

Beliau menyeru warga universiti agar sama-sama membantu dengan memberi sumbangan ikhlas misalnya melalui potongan gaji agar nasib mereka terus terbela.

“Saya amat terharu dengan sifat prihatin dan pemurah yang ditunjukkan oleh staf dan masyarakat yang menghulurkan sumbangan kewangan untuk menganjurkan program berbuka puasa kepada pelajar UUM setiap hari.

“Sudah pastinya program seumpama ini akan dapat membantu pelajar universiti mengurangkan kos perbelanjaan harian mereka, di samping dapat menghilangkan kerinduan terhadap tradisi berbuka puasa bersama keluarga.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada pihak Jawatankuasa Penganjur di bawah pimpinan Pusat Islam atas inisiatif menjadikan majlis berbuka puasa bersama warga kampus sebagai satu tradisi tahunan yang penuh bermakna.

“Semoga dengan tarbiyah yang kita peroleh melalui madrasah Ramadan ini, akan menjadikan kita umat yang lebih baik,” ucapnya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.